SAMPEL PERCUMA

Kertas Percubaan STPM Penggal 1 Perakaunan

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

1. Bagi setiap perkara yang berikut,

(*a*) Nyatakan prinsip perakaunan yang tidak dipatuhi dan sediakan catatan jurnal pelarasan yang berkaitan. [4]

(*b*) Tunjukkan kesan terhadap untung rugi, aset, liabiliti dan ekuiti jika tindakan yang sewajarnya diambil untuk perkara (1) dan (2) di bawah. [2]

1) Hasil sewa yang ditunjukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 meliputi hasil sewa sebanyak RM36,000 bagi tempoh 1 April 2022 sehinggan 31 Mac 2023.

2) Beberapa peralatan pejabat yang dibeli pada tahun semasa yang bernilai RM80,000 telah dimasukkan ke dalam akaun belanja walaupun peralatan itu mempunyai tempoh usia guna selama 5 tahun. Polisi syarikat menggunakan kaedah belanja susutnilai kaedah garis lurus bagi semua asetnya.

(*c*) Syarikat Metro Wealth Sdn. Bhd. melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM125,700 pada tahun semasa berakhir 31 Mac 2023. Selepas semakan dibuat, didapati ada beberapa maklumat berikut belum diambil kira dalam menentukan keuntungan tersebut.

1) Pada awal April 2022, syarikat telah membeli sebuah lori 3 tan untuk kegunaan syarikat dengan harga RM95,000. Lori tersebut dijangkakan boleh digunakan selama 9 tahun dengan nilai sisa RM5,000. Hasil pemeriksaan ke atas akaun didapati belanja susutnilai lori telah ditentukan tanpa mengira nilai sisa.

2) Syarikat juga didapati telah membayar RM750 untuk mendapat perkhidmatan internet WI-FI di pejabat dari syarikat telekomunikasi tempatan. Bayaran itu termasuk deposit sebanyak RM400. Keseluruhan amaun telah direkod sebagai belanja utiliti.

3) Perabot pejabat yang berkos RM5,000 dengan susutnilai terkumpul RM4,500 telah dilupuskan.

4) Tiga orang kakitangan syarikat telah dihantar untuk menjalani latihan dalam perkhidmatan di Pulau Pangkor. Perbelanjaan sepanjang latihan itu ialah RM1,350 bagi setiap kakitangan tersebut.

5) Perabot baru berharga RM15,000 telah dibeli pada akhir Mac 2023. Sebanyak RM5,000 telah dibayar tunai dan bakinya dijelaskan dengan mengeluarkan nota yang matang dalam tempoh enam bulan.

6) Encik Zachry iaitu salah seorang pelanggan syarikat telah menghilangkan diri tanpa dikesan. Beliau masih lagi berhutang dengan syarikat sebanyak RM1,200. Syarikat telah membuat keputusan supaya amaun ini dihapus kira.

7) Pembayaran gaji pekerja sebanyak RM18,600 yang dibuat pada akhir tempoh perakaunan telah direkod sebagai RM8,600.

8) Aset berikut telah dinilai semula oleh seorang penilai professional.

	Kos	Penilaian Semula
Tanah (di Sungai Jempol)	RM70,000	RM86,000
Bangunan (Jalan Sultan Abu Bakar)	RM300,000	RM340,000

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal pelarasan atau catatan jurnal pembetulan, bagi maklumat (1 - 8). [11]

(ii) Hitung amaun untung bersih selepas maklumat-maklumat (1 – 8) diambil kira [4]

2 Syarikat Cekal Sendirian Berhad memulakan operasi perniagaan perkhidmatan pengangkutan menggunakan van dan lori pada awal tahun 2018. Mengikut polisi syarikat,setiap van atau lori yang dibeli akan digunakan untuk tempoh maksimum 5 tahun dan akan ditukar beli dengan van atau lori yang lain .Caj susut nilai yang dikenakan ialah 10% setahun atas kos . Nilai buku pada akhir sesuatu tempoh dianggap sebagai harga jualan atau harga tukar beli jika asset dilupuskan .

Pada 1 Januari 2022 , syarikat memiliki 5 unit lori dan 6 unit van. Maklumat tentang lori dan van syarikat adalah seperti berikut .

Kenderaan	Kos/unit	Tarikh beli
2 unit lori	RM 135,000	1 Januari 2019
3 unit lori	RM 120,000	1 Ogos 2020
1 unit van	RM 80,000	31 Ogos 2018
5 unit van	RM 85,000	30 Jun 2021

Maklumat urus niaga bagi Syarikat Cekal Sendirian Berhad yang berlaku dalam tahun 2022 adalah seperti yang berikut .

(1) Pada 1 Januari 2022 ,syarikat telah membelanjakan RM 50,000 untuk membesarkan pejabat yang sedia ada . Bangunan pejabat lama syarikat telah dibina pada awal tahun 2018 dengan kos RM 500,000 . Bangunan itu telah dicat baru dengan kos RM 10,000 . Polisi syarikat tentang susut nilai bangunan ialah 10% atas kos selama 10 tahun .

(2) Pada 1 September 2022 , syarikat telah menukar beli sebuah van yang telah dibeli pada 1 Januari 2018. Kos van baru yang diperoleh ialah RM 96,500 . Perniagaan membiayai lebihan kos ini dengan membuat sewa beli pada kadar faedah 4% setahun mengikut kadar tetap selama 5 tahun . Bayaran ansuran bulanan yang dibayar kepada pemiutang sewa beli mula dibayar pada 30 september 2022 .

Dikehendaki :

a) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan semua urus niaga yang berkaitan dengan aset bukan semasa syarikat yang berlaku dalam tahun 2022 . [15]

b) Bezakan antara kos yang dipermodalkan dengan kos yang dibelanjakan . [2]

c) Jelaskan **tiga** faktor yang perlu diambil kira untuk menentukan belanja susut nilai setiap tahun . [3]

3 (*a*) Perihalkan perbezaan antara liabiliti belum bayar dengan liabiliti terima dahulu dan berikan contoh yang sesuai bagi setiap liabiliti tersebut. [3]

(b) Perniagaan Sofea Enterprise menjual perabot dan barang perhiasan rumah yang diperbuat daripada kayu jati. Perniagaan ini menggunakan sistem inventori berterusan bagi merekodkan inventorinya.

Senarai akaun bagi Perniagaan Sofia Enterprise pada 31 Oktober 2023 adalah seperti yang berikut :

	RM
Ambilan	12,000
Belian	74,000
Belanja gaji	4,000
Belanja gaji belum bayar	20,000
Belanja sewa	16,000
Belanja utiliti	7,000
Belanja faedah	2,400
Belanja faedah belum bayar	400
Diskaun diberi	2,000
Jualan	360,000
Hasil belum terperoleh	8,000
Inventori barang niaga	19,000
Kos barang dijual	198,000
Modal	87,000
Nota Belum Bayar (faedah, 12%, matang tahun 2025)	20,000
Akaun Belum Bayar	37,000
Akaun Belum Terima	40,000
Peralatan stor	150,000
Pulangan Jualan	3,000
Sewa prabayar	3,000
Tunai	10,000
Susut nilai terkumpulPeralatan Stor	40,000

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar